

Siti Hasmah mohon maaf tidak memenuhi jemputan

Oleh RAHANA MD

UM - 6 OCT 2003

PETALING JAYA 5 Okt. — Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memohon maaf kepada pelbagai pihak kerana beliau dan suaminya tidak dapat memenuhi semua jemputan mereka yang mahu mengundang merasmikan sesuatu majlis atau meraikan mereka berdua sebelum Perdana Menteri bersara akhir bulan ini.

Menurut Siti Hasmah, jadual beliau dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kini terlalu padat sehingga Disember ini ekoran rakyat daripada pelbagai lapisan mahu memberi penghormatan terakhir kepada beliau dan suaminya itu.

“Jadual kami terlalu padat, siang malam kalau boleh orang minta pergi termasuk pagi, makan tengah hari dan petang untuk majlis meraikan kami.

“Kami suami isteri cuba memenuhi setiap hasrat dan undangan mereka tetapi ada kalanya terpaksa melahirkan rasa dukacita kerana menolak jemputan tertentu,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penutup Cabaran Futsal Riben Merah 2003 anjuran Yayasan AIDS Malaysia (YAM) dan Majlis AIDS Malaysia (MAM) di sini hari ini.

Siti Hasmah berkata demikian ketika ditanya mengenai perasaannya apabila sebegitu banyak pihak termasuk syarikat swasta yang mahu Perdana Menteri dan beliau sendiri merasmikan majlis sebelum persaraan Dr. Mahathir pada akhir bulan ini.

■ Lihat muka 4

Siti Hasmah mohon maaf tidak penuhi jemputan

Isteri Perdana Menteri menambah, beliau sebenarnya merasa berat hati kerana terpaksa menolak undangan daripada rakyat tetapi masa terlalu terhad buat mereka untuk memenuhi semua undangan.

“Kalau boleh kami suami isteri mahu memenuhi setiap undangan tetapi sekarang ini setiap siang dan malam ada jemputan.

“Selain jemputan di Lembah Klang, Putrajaya atau di seluruh tanah air, kami juga menerima jemputan dari para pemimpin luar negara.

“Pemimpin-pemimpin luar negara itu mahu meraikan kami berdua dan jemputan di luar negara itu pula kalau boleh mahu kami pergi ke negara mereka sebelum 31 Oktober ini iaitu sebelum suami saya bersara.

“Ada kalanya kami sendiri tidak tahu bagaimana mahu mengatur jadual. Bagaimanapun jika lawatan-lawatan tersebut rasmi dan telah diatur terlebih dahulu, kami terpaksa memenuhinya,” katanya.

Menurut Siti Hasmah, beliau sendiri buat masa ini menerima terlalu banyak jemputan sama ada mahu mereka suami isteri merasmikan majlis tertentu atau pun meraikan persaraan.

“Kita tidak ada pilihan kerana suami saya telah memberitahu jemputan ke majlis perpisahan sempena persaraan kami nanti telah diatur sehingga bulan Disember,” katanya.

Dr. Hasmah juga agak sedih apabila ditanya perasaannya kerana tarikh persaraan Dr. Mahathir semakin hampir dan beliau memberitahu bahawa perasaannya kini bercampur baur menjelang persaraan suaminya itu.

“Saya melalui hari-hari menjelang persaraan ini dengan perasaan yang bercampur-campur antara suka dan duka.

“Rasa suka sebab tidak sabar untuk bersara kerana sudah terlalu banyak tahun bekerja, kami mahu berehat dan kembali semula menjadi seperti rakyat biasa.

“Rasa duka terasa juga kerana saya pasti merindui detik waktu bekerja bersama rakyat di negara ini.

“Jika kami suami isteri gagal memenuhi undangan sekarang, insya-Allah di suatu hari kita akan bertemu lagi dalam majlis yang lain pula,” katanya.